



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

**PENJELASAN TERHADAP KENYATAAN MEDIA PERSATUAN KHIDMAT
NASIHAT PENCARUM PERLINDUNGAN SOSIAL MALAYSIA
(SOCIAL PROTECTION CONTRIBUTORS' ADVISORY ASSOCIATION
MALAYSIA, SPCAAM) MENGENAI
"DASAR GAJI BAHARU SUDAH CACAT SEBELUM IA DIPERKENALKAN".**

YAB Perdana Menteri semasa ucapan Ekonomi MADANI pada 27 Julai 2023 menyatakan bagi mencapai perkongsian ekonomi yang lebih seimbang, Kerajaan akan melaksanakan dasar yang menyokong peningkatan upah berbanding KDNK kepada tahap 45% selaras dengan tahap negara lebih maju. Antara usaha termasuklah kajian semula tahap gaji minimum serta memperkenalkan undang-undang yang menjamin persekitaran kerja yang selamat dan selesa. Selain pelaksanaan gaji minimum, Kementerian Ekonomi (KE) dan KSM sedang memperhalusi model gaji progresif ke arah kenaikan pendapatan yang lebih terangkum.

Gaji minimum perlu dikekalkan manakala model gaji progresif sebagai salah satu model gaji pelengkap bagi memastikan perkongsian ekonomi yang lebih seimbang tercapai. **Gaji minimum merupakan upah terendah** yang patut dibayar kepada pekerja untuk kerja atau perkhidmatan yang dilakukan dalam tempoh tertentu, sama ada dikira berdasarkan masa atau output, yang tidak boleh dikurangkan oleh individu atau menerusi perjanjian bersama, dijamin oleh undang-undang dan ditetapkan bertujuan untuk menampung keperluan minimum kehidupan pekerja dan keluarganya berasaskan keadaan sosio-ekonomi sesebuah negara.

Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) adalah komited dalam melaksanakan kajian semula perintah gaji minimum secara konsisten iaitu sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun selaras dengan peruntukan seksyen 25 Akta MPGN 2011 [Akta 732]. Indikator-indikator sosioekonomi yang diambil kira dalam penetapan gaji minimum ialah Indeks Harga Pengguna (*Consumer Price Index*), Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), penengah gaji (keupayaan majikan membayar gaji pekerja), kadar produktiviti buruh dan kadar pengangguran.

Bagi pekerja-pekerja yang berpengalaman dan berkemahiran, gaji mereka seharusnya lebih tinggi daripada gaji minimum yang ditentukan oleh pasaran buruh, rundingan dengan pihak majikan atau Perjanjian Kolektif.

Pihak kerajaan akan meneruskan usaha bagi memastikan pekerja-pekerja di negara ini menyertai Kesatuan Sekerja. Pelbagai program dan aktiviti telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan keanggotaan kesatuan sekerja kepada satu juta orang menjelang akhir tahun ini berbanding hanya 961,370 keahlian sehingga Jun 2023. Selain itu pindaan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 telah diluluskan manakala pindaan Akta Kesatuan Sekerja, 1959 akan dibentangkan di Parlimen dalam masa yang terdekat bagi membolehkan kesatuan sekerja di negara ini bergerak dengan lebih matang, proaktif dan progresif.

YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
5 SEPTEMBER 2023